



## **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

### **GP10 : GARIS PANDUAN MENGENAI SKIM PELABURAN KHAS**

#### **BAHAGIAN A : PENGENALAN**

##### **TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memantau dan mengawal koperasi yang menjalankan aktiviti skim pelaburan khas.

##### **LATAR BELAKANG**

2. Ekonomi berskala sangat mempengaruhi aktiviti perniagaan koperasi. Koperasi kini lebih agresif dan berinovasi dalam mengembangkan aktiviti perniagaan untuk meraih keuntungan yang tinggi dan cepat. Koperasi kini lebih cenderung kepada aktiviti skim pelaburan secara kolektif<sup>1</sup>. Skim ini dilaksanakan dengan memperoleh dana daripada pelabur iaitu anggota dan bukan anggota.

---

<sup>1</sup> Skim pelaburan kolektif didefinisikan seperti berikut:

- (a) pelaburan dilaksanakan bagi tujuan memberi kemudahan kepada orang untuk menyertai atau menerima keuntungan/pendapatan berikutan perolehan, pegangan, pengurusan atau pelupusan sekuriti, kontrak hadapan atau apa-apa harta (dirujuk sebagai 'skim aset') atau sejumlah wang yang dibayar daripada keuntungan atau pendapatan berkenaan;
- (b) peserta skim pelaburan tidak mempunyai kawalan harian ke atas pengurusan skim aset;
- (c) skim aset berkenaan diurus oleh suatu entiti yang bertanggungjawab ke atas pengurusan skim aset dan telah dilulus/dibenar/dilesen oleh pengawalselia yang relevan untuk mengendali aktiviti pengurusan dana;

dan termasuk antara lain dana unit amanah, "REIT", "exchange-traded funds", skim pelaburan terhad dan dana tertutup.

3. Walau bagaimanapun, terdapat koperasi yang menjalankan skim seumpama ini dengan menjanjikan pulangan tidak munasabah dan juga pelbagai taktik telah diguna melibatkan percanggahan kepentingan. Koperasi boleh mempengaruhi pergerakan dana dan aset di bawah kawalannya secara amalan-amalan seperti berikut:

(a) mencampur-aduk aset (*co-mingling*)

koperasi mencampuradukkan dana/aset yang dipegang bagi pihak pelabur dengan dana/aset milik koperasi, justeru menyukarkan untuk mengenalpasti samada dana/aset adalah milik koperasi atau pelabur. Percanggahan kepentingan akan berlaku ketika:

- (i) di mana dana pelaburan dilaburkan; dan
- (ii) bagaimana pulangan/kerugian daripada pelaburan perlu diperuntukkan.

(b) pertukaran (*switching*)

pergerakan dana/aset pelaburan daripada satu skim kepada satu skim lain di bawah pengurusan koperasi yang sama, menjurus kepada perubahan kepada profil risiko tersebut tanpa mengambil kira kehendak risiko asal pelabur.

4. Sehubungan itu, suatu garis panduan perlu diwujudkan agar koperasi yang menjalankan pelaburan secara kolektif melaksanakannya secara berhemat.

## BAHAGIAN B : AKTIVITI PELABURAN KHAS

### SUMBER DANA

5. Aktiviti pelaburan khas boleh dibiayai oleh –

- (a) koperasi;
- (b) anggota;
- (c) koperasi lain; atau
- (d) anggota koperasi lain.

6. Koperasi boleh menerima pembiayaan tertakluk kepada keutamaan dan had seperti berikut:

Bil	Pelabur Menurut Keutamaan	Had Pelaburan (% Daripada Dana Sesuatu Pelaburan)
	<b>Dalaman</b>	
i.	Koperasi	Minimum 80% <i>(tertakluk minimum 35% bagi koperasi)</i>
ii.	Anggota	
	<b>Luaran</b>	
iii.	Koperasi lain	Maksimum 20%
iv.	Anggota koperasi lain	
<b>Jumlah</b>		<b>100%</b>

Walau bagaimanapun, pembiayaan daripada setiap anggota, termasuk anggota koperasi lain, hendaklah tidak melebihi dua puluh peratus (20%) daripada jumlah pelaburan.

7. Bagi tujuan mendapatkan deposit daripada bukan anggota menurut perenggan 50(e) Akta, koperasi perlu memperoleh kelulusan bertulis Suruhanjaya terlebih dahulu.

### **SKOP PELABURAN KHAS**

8. Koperasi boleh antaranya melabur dalam projek-projek berikut:

- (a) hartanah;
- (b) pertanian dan perladangan;
- (c) perkilangan;
- (d) pergudangan;
- (e) perkhidmatan (seperti aktiviti Ar-Rahnu); atau
- (f) projek-projek lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

### **SYARAT-SYARAT AM**

9. Sebelum menjalankan aktiviti pelaburan khas, koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti pelaburan khas;

- (b) kelulusan mesyuarat Lembaga dan mesyuarat agung untuk melaksanakan aktiviti pelaburan khas;
- (c) mewujudkan aturan bertulis mengenai pelaburan khas yang diluluskan dalam mesyuarat agung;
- (d) menyediakan prospektus bagi setiap produk pelaburan khas dan mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya; dan
- (e) mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, sekiranya perlu.

### **Kandungan Aturan**

10. Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi serta untuk akauntabiliti dan keberkesanan operasi. Aturan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) tajuk;
- (b) objektif;
- (c) definisi;
- (d) sumber dan kegunaan kewangan;
- (e) pentadbiran dan pengurusan;
- (f) proses aliran kerja (termasuk dasar mengenai pelaburan khas dan dasar mengenali pelanggan). Rujuk **Lampiran 1** bagi proses aliran kerja minimum yang perlu ada;

- (g) tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat; dan
- (h) pengurusan kewangan, risiko dan audit.

### **Prospektus Untuk Produk Pelaburan Khas**

11. Sebelum melaksanakan aktiviti pelaburan khas, koperasi hendaklah menyediakan prospektus. Tujuan prospektus dikeluarkan adalah untuk menerangkan kepada anggota/pelanggan perihal produk pelaburan khas yang akan diperkenalkan oleh koperasi. Bagi melaksanakan projek di bawah perenggan 8(a), koperasi hendaklah menyediakan sesuatu prospektus yang mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara seperti di **Lampiran 2**. Walau bagaimanapun, bagi projek di bawah para 8(b), (c), (d), (e) dan (f), prospektus di Lampiran 2 bolehlah dijadikan panduan dalam menyediakan prospektus bagi setiap projek tersebut.

12. Prospektus yang disediakan oleh koperasi hendaklah –

- (a) jelas dan tiada penyataan yang tersembunyi;
- (b) adil dan benar; dan
- (c) tidak mengelirukan.

## **Pegangan Pelabur**

13. Koperasi hendaklah menentukan tempoh pegangan sesuatu pelaburan. Sijil pelaburan khas boleh dikeluarkan kepada pelabur-pelabur berdasarkan kepada bilangan unit pelaburan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

14. Sekiranya penebusan dibuat sebelum tempoh minimum pegangan, koperasi bolehlah menentukan penebusan tersebut melalui kaedah berikut:

- (a) pelabur berkenaan hendaklah mendapatkan pengganti untuk membeli unit-unit pelaburannya; atau
- (b) koperasi membeli unit-unit pelaburan tersebut.

## **Pemegang Amanah**

15. Koperasi hendaklah melantik pemegang amanah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi secara aktif operasi dan pengurusan dana oleh koperasi untuk menjaga kepentingan pelabur.

16. Pemegang amanah hendaklah sentiasa memastikan dana dikendali dan diurus menurut –

- (a) surat ikatan amanah;
- (b) prospektus; dan
- (c) amalan perniagaan terbaik.

17. Koperasi hendaklah memastikan pemegang amanah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dan berhemat.

18. Pelantikan pemegang amanah hendaklah mendapatkan persetujuan Suruhanjaya terlebih dahulu.

### **Penyenggaraan Akaun**

19. Dana pelaburan khas hendaklah disenggara dalam akaun yang berasingan daripada aktiviti lain.

### **Penilaian Dan Harga (*Valuation And Pricing*)**

20. Koperasi hendaklah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memastikan dana pelaburan khas dinilai dengan sewajarnya bagi tujuan jual beli atau penetapan harga pelaburan itu. Koperasi hendaklah mengutamakan kepentingan pelabur apabila membuat penilaian ke atas pelaburan.

### **Penetapan Kadar Pulangan Pelaburan Khas**

21. Penetapan kadar pulangan ke atas pelaburan khas oleh koperasi hendaklah berdasarkan kepada prestasi pelaburan.



## Pelaburan Dibenarkan

22. Koperasi hanya boleh melabur –

	Jenis Pelaburan Khas	Pelaburan Dibenarkan	Had Pelaburan (Daripada Jumlah Dana)
(a)	Hartanah	(i) projek hartanah	sekurang-kurangnya 50%
		(ii) aset bukan berkaitan projek hartanah dan/atau wang tunai, deposit dan instrumen pasaran wang (" <i>money market instruments</i> ")	tidak melebihi 25%
(b)	Projek seperti di para 8(b) hingga (f) iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ pertanian dan perladangan;</li> <li>▪ perkilangan;</li> <li>▪ pergudangan;</li> <li>▪ perkhidmatan (seperti aktiviti Ar-Rahnu); atau</li> <li>▪ projek-projek lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya.</li> </ul>	(i) projek	sekurang-kurangnya 50%
		(ii) aset bukan berkaitan projek dan/atau wang tunai, deposit dan instrumen pasaran wang (" <i>money market instruments</i> ")	tidak melebihi 25%

23. Jenis-jenis aset bukan berkaitan hartanah [(a)(ii)] atau projek [(b)(ii)] adalah seperti:

- (a) syer tersenarai yang diterbitkan oleh syarikat bukan hartanah;
- (b) sekuriti hutang yang diterbitkan atau dijamin penuh oleh Kerajaan Malaysia;
- (c) surat komersil atau sekuriti hutang lain yang diterbitkan oleh syarikat atau institusi dengan penarafan kredit tidak kurang daripada:
  - (i) A/P1<sup>2</sup> oleh Rating Agency Malaysia Berhad; dan
  - (ii) A/MARC-1<sup>3</sup> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad.
- (d) Walau bagaimanapun, pelaburan di dalam mana-mana jenis sekuriti hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada sekuriti yang diterbitkan oleh mana-mana satu penerbit sekuriti.

## Transaksi Pelaburan

24. Semua transaksi berhubung dengan urusan dana ini hendaklah ditadbir secara saksama (*arm's length transactions*).

---

<sup>2</sup> **Penarafan oleh Ratings Agency Malaysia Berhad**

"A" merujuk kepada entiti yang mempunyai keupayaan mencukupi untuk memenuhi tanggungan kewangan berjangka panjang.

"P1" merujuk kepada entiti yang mempunyai keupayaan kukuh untuk memenuhi tanggungan kewangan berjangka pendek.

<sup>3</sup> **Penarafan oleh Malaysian Rating Corporation Berhad**

"A" merujuk kepada keupayaan kukuh untuk membayar balik prinsipal dan faedah bagi tanggungan kewangan berjangka panjang. Namun, tanggungan kewangan ini mudah terdedah kepada keadaan kewangan yang tidak memuaskan.

"MARC-1" merujuk kepada keupayaan pembayaran balik prinsipal dan faedah bagi tanggungan kewangan berjangka pendek yang tepat pada masanya.

25. Pengurusan transaksi pelaburan hendaklah tidak mengakibatkan pelabur menanggung apa-apa kos atau risiko yang tidak wajar.

### **Transaksi Dengan Pihak Berkaitan<sup>4</sup>**

26. Transaksi dengan pihak berkaitan ialah apa-apa transaksi di antara dana pelaburan khas dan pihak-pihak yang berkaitan.

27. Sekiranya koperasi, sebagai pengurus pelaburan, mengurus lebih daripada satu dana pelaburan dan transaksi melibatkan dua atau lebih dana yang diurus oleh koperasi, transaksi di antara dua dana ini adalah dianggap sebagai transaksi pihak berkaitan bagi setiap dana yang terlibat dalam transaksi berkenaan.

28. Semua transaksi dengan pihak berkaitan yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak dana pelaburan hendaklah –

- (a) dibuat secara saksama (*arm's length*);
- (b) bagi kepentingan pelabur/pemegang unit;
- (c) diurusniagakan pada harga yang sama dengan nilai yang dilaporkan dalam laporan penilaian;
- (d) dipersetujui oleh pemegang amanah;

---

<sup>4</sup> Pihak berkaitan bermaksud:

- (a) pengurus pelaburan;
- (b) pemegang amanah;
- (c) pemegang unit terbesar;
- (d) anggota Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota koperasi; atau
- (e) orang yang ada kaitan dengan mana-mana anggota Lembaga atau anggota koperasi atau orang yang ada kaitan dengan pengurus dana, pemegang amanah atau pemegang unit dana terbesar.

- (e) selaras dengan objektif dan strategi pelaburan dana tersebut; dan
- (f) didedahkan dengan secukupnya kepada pelabur/pemegang unit.

### **Pengsumberanluar (*Outsourcing*)**

29. Koperasi boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi fungsi bukan teras. Fungsi bukan teras adalah fungsi di mana tugasannya tidak memerlukan proses membuat keputusan (*decision-making*). Walau bagaimanapun, pengurusan koperasi hendaklah mengekalkan tanggungjawab muktamad dan kawalan terhadap fungsi tersebut.

30. Koperasi yang menggunakan khidmat pihak ketiga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi –

- (a) kajian semula pemeriksaan usaha wajar (*due diligence*) terhadap pihak ketiga;
- (b) kelulusan Lembaga koperasi diperolehi;
- (c) perjanjian perkhidmatan;
- (d) akujanji bertulis pihak ketiga untuk mematuhi peruntukan kerahsiaan; dan
- (e) pelaporan dan mekanisme pemantauan yang teratur.

## **Perisytiharan Wakil Lembaga Dan Penasihat Syariah**

31. Koperasi hendaklah menyertakan bersama-sama surat permohonan untuk melaksanakan aktiviti pelaburan khas, perisytiharan oleh wakil Lembaga bahawa perkara-perkara berikut telah dipatuhi –

- (a) pematuhan terhadap garis panduan ini;
- (b) infrastruktur yang perlu (seperti tadbir urus, modal insan, proses dan teknologi) untuk aktiviti berkenaan telah mencukupi dan berfungsi; dan
- (c) proses pengurusan risiko dalam aktiviti pelaburan adalah mencukupi dan berfungsi.

32. Bagi pelaburan berlandaskan prinsip Syariah, koperasi hendaklah juga menyertakan perisytiharan oleh Penasihat Syariah yang dilantik mengenai pematuhan terhadap kehendak Syariah.

## **BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA**

### **Koperasi Sebagai Pengurus Pelaburan**

33. Koperasi hendaklah mengurus dana pelaburan menurut –

- (a) surat ikatan amanah;
- (b) prospektus;
- (c) garis panduan ini;

- (d) undang-undang bertulis; dan
- (e) amalan perniagaan terbaik

## **TADBIR URUS**

### **Lembaga Koperasi**

34. Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan –

- (a) wujudnya dasar dan piawaian pelaburan dan ianya:
  - (i) selaras dengan aktiviti perniagaannya sepertimana termaktub dalam undang-undang kecil; dan
  - (ii) bersesuaian dengan kekukuhan modal, kepakaran pengurusan dan risiko koperasi;
- (b) pelaburan memenuhi objektif aktiviti perniagaan dan hala tuju koperasi;
- (c) aturan-aturan pelaburan koperasi dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung. Aturan-aturan itu hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawabkan mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti pelaburan;

- (e) proses pengurusan risiko dalam aktiviti pelaburan adalah mencukupi dan berfungsi;
- (f) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan pelaburan oleh koperasi;
- (g) pelaburan ini tidak memudaratkan pelabur dan promosi tidak bersifat mengelirukan pelabur;
- (h) koperasi dalam setiap masa mengamalkan tadbir urus yang baik; dan
- (i) wujudnya suatu mekanisme yang teratur bagi mengawal dan mengurus percanggahan kepentingan dan tanggungjawab.

35. Lembaga hendaklah memantau prestasi portfolio pelaburan dan mendapatkan laporan berkala daripada pihak pengurusan mengenai keseluruhan portfolio pelaburan, sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun.

36. Lembaga hendaklah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (a) prestasi pelaburan;
- (b) kadar pulangan ke atas pelaburan;
- (c) penilaian aset-aset pelaburan dan kesannya terhadap pengurusan aset dan liabiliti koperasi serta kedudukan kewangan koperasi; dan
- (d) kawalan dalaman yang berkesan.

## Pengurusan

37. Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar pelaburan sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan bertanggungjawab menyediakan prosedur-prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.

38. Tanggungjawab pengurusan termasuk mewujudkan –

- (a) saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai dasar pelaburan dan dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;
- (b) prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko pelaburan dalam usaha melaksanakan dasar dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
- (c) sistem pengurusan maklumat yang mencukupi dan berkesan untuk memastikan laporan prestasi pelaburan boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;
- (d) modal insan yang kompeten dan mencukupi di samping wujudnya penilaian prestasi;
- (e) melaporkan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek pelaburan; dan
- (f) memaklumkan pendedahan risiko dan kualiti pelaburan serta perkembangan kajian semula ke atas keseluruhan portfolio pelaburan sekerap yang mungkin.



## **Jawatankuasa Audit Dalaman**

39. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) hendaklah memastikan wujudnya kawalan dalaman, pengurusan risiko dan prosedur aktiviti pelaburan. Di samping itu, JAD perlu memastikan infrastruktur berkenaan adalah mencukupi, dipatuhi dan berfungsi.

40. JAD adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas pematuhan mengikut kehendak perundangan dan penyeliaan berhubung dengan aktiviti pelaburan.

## **Jawatankuasa Pelaburan**

41. Jawatankuasa pelaburan hendaklah diwujudkan untuk menyediakan tugas pemantauan operasi dan pengurusan dana pelaburan.

42. Ahli-ahli jawatankuasa pelaburan hendaklah mengandungi:

(a) lima orang yang terdiri daripada –

(i) tiga anggota Lembaga; dan

(ii) dua bukan anggota Lembaga,

(b) pengerusi jawatankuasa di kalangan anggota Lembaga;

(c) tiada ahli gantian boleh mewakili ahli jawatankuasa; dan

(d) dalam keadaan wujudnya kekosongan ahli jawatankuasa, koperasi hendaklah mengisi kekosongan itu dalam tempoh 60 hari.

## Kriteria Layak Dan Sesuai Jawatankuasa Pelaburan

43. Ahli jawatankuasa pelaburan hendaklah –

- (a) mempunyai perwatakan dan reputasi yang baik;
- (b) berintegriti dan adil dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab;
- (c) bertindak menurut kepakaran, keprihatinan dan kesaksamaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab;
- (d) bersifat cermat dalam memastikan tugas dan fungsi dilaksanakan menurut garis panduan ini; dan
- (e) memiliki kelayakan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

44. Ahli jawatankuasa boleh hilang kelayakan dalam mana-mana keadaan seperti berikut:

- (a) mempunyai rekod tidak memuaskan atau tidak beretika;
- (b) petisyen yang telah difailkan di bawah undang-undang kebangkrapan atau seseorang itu telah diisytihar bankrap;
- (c) prosiding jenayah untuk disabitkan dengan fraud, ketidakjujuran atau apa-apa kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara sekurang-kurangnya setahun, di mana-mana negara;
- (d) apa-apa inkuiri/siasatan oleh mana-mana kerajaan/pihak berkuasa atau badan statutori, di mana penemuan tidak memuaskan diperolehi; dan

- (e) apa-apa amalan dan aktiviti tidak beretika yang boleh menyebabkan seseorang itu tidak layak untuk melaksanakan fungsinya.

45. Sekiranya ahli tersebut hilang kelayakan untuk memegang jawatan, koperasi hendaklah memastikan ahli tersebut mengosongkan jawatannya dengan kadar segera.

### **Tugas Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan**

46. Jawatankuasa Pelaburan hendaklah memastikan dana pelaburan diurus menurut –

- (a) objektif pelaburan dana tersebut;
- (b) surat ikatan amanah;
- (c) prospektus;
- (d) kehendak perundangan dan garis panduan ini;
- (e) dasar kawalan dalaman dan had pelaburan; dan
- (f) amalan perniagaan terbaik.

47. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan antaranya adalah –
- (a) memilih strategi bersesuaian untuk mencapai prestasi yang baik menurut dasar pelaburan;
  - (b) memastikan supaya strategi berkenaan dipilih dengan cekap dan dilaksanakan dengan berkesan oleh koperasi;
  - (c) memantau, mengukur dan menilai secara aktif prestasi pelaburan koperasi termasuklah –
    - (i) menentukan peruntukan aset bagi pelaburan serta jenis-jenis instrumen pelaburan;
    - (ii) memastikan modal yang diperuntukkan dipelihara dengan membuat pelaburan yang bersesuaian;
    - (iii) memastikan wujudnya sistem pengurusan risiko pelaburan yang efektif; dan
    - (iv) memastikan wujudnya kecukupan likuiditi bagi aktiviti pelaburan berkenaan.
  - (d) memilih dan melantik pengurus atau perunding pelaburan, sekiranya perlu;
  - (e) mencadangkan kadar pulangan yang munasabah ke atas dana yang dilaburkan; dan
  - (f) memastikan pendapatan yang optimum diperoleh daripada pelaburan dengan pendedahan risiko yang sewajarnya.

48. Jawatankuasa Pelaburan boleh mewujudkan satu jawatankuasa teknikal dengan persetujuan Lembaga bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa.

49. Koperasi hendaklah membuat penilaian terhadap keupayaan ahli jawatankuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

### **Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan**

50. Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat pada setiap bulan. Kuorum bagi mesyuarat ialah tiga (3) ahli, termasuk Pengerusi dan seorang yang disebut dalam para 42(a)(ii). Dalam hal keadaan bilangan undi yang sama banyak, usul akan dikira gugur.

51. Minit mesyuarat perlu merekodkan semua keputusan berserta rasionalnya dan disimpan dengan baik.

52. Jawatankuasa hendaklah menyediakan laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat kepada Lembaga. Minit mesyuarat hendaklah dibentangkan pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya.

### **PENGURUSAN RISIKO**

53. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

54. Sehubungan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sekiranya ada, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan –

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi pelaburan yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

55. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumenkan.

#### **PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH**

56. Bagi maksud menjalankan pelaburan secara Islam, koperasi hendaklah membentuk suatu Jawatankuasa Penasihat Syariah atau merujuk kepada Penasihat Syariah di institusi lain yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk memastikan pelaksanaan pelaburan adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.

#### **PEMATUHAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN**

57. Koperasi hendaklah pada setiap masa memastikan aktivitiinya tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain di antaranya seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (*Anti Money Laundering And Anti Terrorist Financing Act 2001*) supaya integriti dan reputasi koperasi terpelihara.

58. Oleh itu, koperasi bertanggungjawab mewujudkan kawalan-kawalan yang mencukupi terutamanya pelaksanaan pemeriksaan usaha wajar (*due diligence*) serta kaedah mengenali pelanggan (*know your customer*) bagi mengelak daripada digunakan sebagai conduit bagi aktiviti tersebut.

## **PELAPORAN**

59. Koperasi hendaklah menyediakan –

- (a) penyata tahunan pelabur; dan
- (b) laporan tahunan mengenai dana

kepada setiap pelabur supaya dapat menilai prestasi dana. Laporan tahunan berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat seperti di **Lampiran 3**.

60. Koperasi juga hendaklah mendedahkan maklumat yang mempunyai impak terhadap penilaian tadbir urus dana secara berterusan dan tepat pada masanya kepada pelabur.

61. Koperasi hendaklah memberi penekanan terhadap amalan ketelusan dalam isu-isu utama yang melibatkan pelaporan kewangan, antaranya –

- (a) pengurus dana hendaklah memastikan penyata kewangan mencerminkan keadaan ekonomi sebenar serta mematuhi piawaian perakaunan dan pelaporan. Ini penting kerana ia mempunyai impak secara langsung ke atas kos modal dan reputasi dana pelaburan;

- (b) juruaudit hendaklah mengamalkan piawaian pengauditan yang sesuai, bertindak dengan kompeten dan berintegriti dan memberi pandangan audit yang bebas dan saksama; dan
- (c) bagi skim berprinsip Syariah, Jawatankuasa Penasihat Syariah hendaklah menegaskan (*highlight*) isu-isu Syariah yang mungkin memberi impak terhadap kedudukan dana pelaburan.

62. Koperasi hendaklah menyatakan di dalam pendedahannya kepada Suruhanjaya dan pelabur mengenai status pematuhan dengan garis panduan ini seperti berikut:

- (a) melaporkan bagaimana koperasi menggunakan garis panduan ini. Koperasi boleh menentukan kandungan dan bentuk pendedahan berasaskan kepada dasar tadbir urusnya; dan
- (b) mengesahkan samada dana pelaburan mematuhi peruntukan dalam garis panduan atau sekiranya koperasi tidak berupaya memberi pengesahan, koperasi hendaklah memberi penjelasan yang mencukupi mengenai ketidakpatuhan itu.

63. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan kedudukan kewangan koperasi. Sehubungan itu, koperasi dikehendaki mengemukakan laporan tahunan berhubung dengan pelaburan khas kepada Suruhanjaya.




## PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

64. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

65. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATO' MANGSOR BIN SAAD)**  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 5-5-2010

**“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”**

**Proses Aliran Kerja Minimum**

Koperasi hendaklah menggariskan proses aliran kerja minimum seperti berikut di dalam aturan pelaburan khas:

1. Kutipan dana

- (a) pihak yang dipertanggungjawabkan (seperti koperasi atau/dan, institusi kewangan);
- (b) cara kutipan dana dilaksanakan;
- (c) di mana dana hendak disimpan; dan
- (d) rekod kutipan dana.

2. Penggunaan dana

- (a) pihak yang dipertanggungjawabkan (seperti koperasi, pengurus dana);
- (b) cara dana dilaburkan secara optimum; dan
- (c) rekod penggunaan dana.

3. Bayaran pulangan

- (a) kaedah bayaran pulangan dilaksanakan (pulangan dilaburkan semula atau diberi kepada pelabur); dan
- (b) kekerapan pulangan diberi.

4. Penebusan pelaburan

- (a) kaedah penebusan pelaburan dilaksanakan;
- (b) penentuan nilai ketika wang pelaburan ditebus;
- (c) tempoh masa wang pelaburan akan dibayar;
- (d) sumber di mana wang pelaburan akan ditebus; dan
- (e) cara pembayaran.

**Prospektus**

1.	Pengenalan Produk
2.	Data Penting/Maklumat Ringkas Maklumat hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi:
	(a) Maklumat Dana
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Nama dana;</li> <li>(ii) Kategori dana;</li> <li>(iii) Jenis dana;</li> <li>(iv) Tarikh pelancaran;</li> <li>(v) Objektif pelaburan dana;</li> <li>(vi) Ringkasan penerangan berkaitan dasar dan strategi utama pelaburan;</li> <li>(vii) Penentu aras prestasi;</li> <li>(viii) Ringkasan penerangan mengenai risiko utama dalam pelaburan dana;</li> <li>(ix) Ringkasan penerangan berkaitan profil pelabur yang sesuai;</li> <li>(x) Dasar pengagihan; dan</li> <li>(xi) Saiz maksimum dana yang diluluskan.</li> </ul>
	(b) Fi Dan Caj
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Mendedahkan caj yang dikenakan secara langsung ke atas pelabur apabila membeli atau menebus balik unit dana;</li> <li>(ii) Menyatakan dengan jelas sama ada caj boleh dirunding (<i>negotiable</i>); dan</li> <li>(iii) Mendedahkan fi yang dikenakan secara tidak langsung ke atas pelabur apabila melabur dalam dana.</li> </ul>

	(c)	<p>Maklumat-Maklumat Lain</p> <p>(i) Senarai surat ikatan amanah terkini dan tambahan serta tarikh berurusan masing-masing;</p> <p>(ii) Ruang khidmat nasihat kepada prospektif pelabur, di mana perlu;</p> <p>(iii) Lain-lain data utama/ringkasan maklumat yang mana koperasi fikirkan patut, material dan penting disertakan dalam seksyen ini;</p> <p>(iv) Pernyataan peringatan seperti berikut hendaklah didedahkan (<b>dalam tulisan/'font' tebal</b>); dan</p> <p style="padding-left: 40px;"><b>“Pelabur dinasihat untuk memberi pertimbangan wajar terhadap fi dan caj yang dikenakan sebelum melabur dalam sesuatu dana”</b></p> <p style="padding-left: 40px;"><b>“Harga unit dan bayaran pengagihan, sekiranya ada, boleh menurun dan juga meningkat”</b></p> <p style="padding-left: 40px;"><b>“Untuk keterangan mengenai faktor risiko tertentu yang perlu dipertimbangkan oleh prospektif pelabur, sila lihat “faktor-faktor risiko” bermula di muka surat (xx)”</b></p> <p>(v) Untuk dana yang telah beroperasi, prospektus hendaklah termasuk pernyataan peringatan seperti berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;"><b>“Prestasi dana sebelum ini bukan penunjuk prestasi dana di masa hadapan”</b></p>
3.	Faktor-Faktor Risiko	
	(a)	<p>Makluman faktor-faktor berkenaan dana hendaklah termasuk antara lain:</p> <p>(i) Risiko am pelaburan; dan</p> <p>(ii) Risiko tertentu berkaitan dengan portfolio pelaburan dana tersebut.</p>
	(b)	<p>Faktor-faktor pengurangan risiko hendaklah dijelaskan kepada pelabur di mana pelaburan dianggap berisiko besar.</p>

4.	Dana	
	(a)	Objektif
	(b)	Dasar pelaburan dan strategi utama pelaburan untuk mencapai objektif
	(c)	Strategi pengurusan risiko dan teknik diambil oleh pengurus dana (koperasi)
	(d)	Penunjuk aras prestasi dana dan di mana maklumat tersebut boleh diperolehi
	(e)	Pelaburan yang dibenarkan dan had/sekatan pelaburan dana
	(f)	Asas penilaian ke atas semua jenis aset dilaburkan/untuk dilaburkan oleh dana
	(g)	Dasar dari segi penilaian
	(h)	Profil pelabur yang bersesuaian
	(i)	<p>Bagi pematuhan berdasarkan prinsip syariah, prospektus hendaklah termasuk:</p> <p>(i) Penerangan jelas mengenai proses kelulusan termasuk metodologi yang terperinci, hukum (<i>rulings</i>) dan proses tapisan; dan</p> <p>(ii) Pernyataan bahawa pelaburan telah dilaksanakan mengikut hukum yang dikeluarkan oleh penasihat Syariah.</p>
5.	Prestasi Dana	
6.	Makluman Transaksi	
	(a)	Harga
	(b)	Butir-butir transaksi
	(c)	Pembayaran pengagihan

7.	Pengurusan (Koperasi)	
	(a)	Maklumat koperasi
	(b)	Jawatankuasa pelaburan
	(c)	Penasihat Syariah
	(d)	Fungsi pengurusan dana
	(e)	Delegasi
8.	Pemegang Amanah Koperasi Maklumat termasuk perkara-perkara berikut:	
	(a)	Maklumat korporat pemegang amanah koperasi
	(b)	Penyataan tanggungjawab pemegang amanah
	(c)	Delegasi
9.	Transaksi Dengan Pihak Berkaitan/Percanggahan Kepentingan	
10.	Pencukaaian Dana	
11.	Laporan Pakar/Akauntan	
12.	Terma Penting Surat Ikatan	
13.	Kelulusan Dan Syarat (i) Mendedahkan kelulusan oleh pihak berkuasa berkaitan; dan (ii) Apa-apa penepian daripada mana-mana garis panduan berkaitan oleh pihak berkuasa berkaitan	
14.	Hak-Hak Pelabur	

## Prospektus

Maklumat tambahan untuk pelaburan dalam hartanah

1.	Data Penting/Maklumat Ringkas Maklumat hendaklah sekurang-kurangnya:
(a)	Maklumat Dana
	(i) Ringkasan penerangan berkaitan hartanah akan diperolehi, termasuk jadual yang memberi penekanan mengenai statistik utama hartanah; (ii) Dasar penilaian semula; dan (iii) Dasar penggearan ( <i>gearing</i> ).
(b)	Fi Dan Caj
	(i) Butiran jumlah lain-lain fi yang perlu dibayar oleh REIT (contohnya fi pengurusan hartanah dan sebagainya).
2.	Dana
(a)	Objektif pelaburan;
(b)	Dasar dan strategi pelaburan;
(c)	Jenis dan ciri-ciri hartanah untuk diperolehi;
(d)	Pelaburan dibenarkan dan had atau sekatan pelaburan;
(e)	Dasar dan had keterhutangan ( <i>gearing</i> ) pada masa penubuhan;
(f)	Dasar pengagihan dan kaedah pengagihan kepada pelabur;
(g)	Profil pelabur yang bersesuaian; dan
(h)	Bagi pematuhan berdasarkan prinsip Syariah, prospektus hendaklah



	<p>termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Penerangan jelas mengenai proses kelulusan termasuk metodologi yang terperinci, hukum (<i>rulings</i>) dan proses tapisan; dan</li><li>(ii) Pernyataan bahawa pelaburan telah dilaksanakan mengikut hukum yang dikeluarkan oleh penasihat Syariah.</li></ul>
--	---

### Kandungan Laporan Tahunan Dana Pelaburan

Koperasi hendaklah membekalkan sekurang-kurangnya maklumat berikut dalam kandungan Laporan Tahunan Dana Pelaburan:

1. Maklumat Dana;
2. Prestasi Dana;
3. Laporan Pengurus;
4. Laporan Pemegang Amanah;
5. Laporan Penasihat Syariah (untuk dana yang berlandaskan prinsip Syariah);
6. Penyata Pengurus;
7. Laporan Juruaudit Bebas;
8. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan;
9. Penyata Perubahan Nilai Aset Bersih;
10. Penyata Aset dan Liabiliti;
11. Penyata Aliran Tunai;
12. Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan;
13. Maklumat Koperasi;
14. Pengarah Dan Pihak Pengurusan Kanan;
15. Rangkaian Pejabat Cawangan Koperasi, jika ada; dan
16. Rangkaian Pejabat Agensi Koperasi, jika ada.